

Gandingan bapa-anak sertai kategori baru lumba bot naga

PERLUMBAAN bot naga dan kayak selalunya melibatkan persaingan antara sekolah atau kelab-kelab sukan. Tetapi kelmarin, anggota masyarakat daripada pelbagai latar belakang menyertai perlumbaan tersebut pada peringkat akar umbi.

Ini termasuk Encik Ramlee Mohd Ali, 38 tahun, dan anaknya, Muhamad Afiq, 11 tahun, yang mengambil bahagian dalam kategori keluarga, Family Life Championship.

Mereka merupakan antara 4,200 peserta yang bersaing dalam perlumbaan Paddle Championship 2009 anjuran Persatuan Rakyat (PA) di Bedok Reservoir.

Jumlah penyertaan itu dua kali lebih tinggi berbanding jumlah penyertaan pada 2007 ketika ia kali pertama dianjurkan.

Sebanyak 90 pasukan bertanding dalam acara tersebut, manakala kategori keluarga pula merupakan kategori baru yang bertujuan mengeratkan lagi pertalian kekeluargaan melalui su-



DAYUNG BERSAMA: Encik Ramlee dan anaknya, Muhamad Afiq, tidak mahu melepaskan peluang menyertai perlumbaan bot naga untuk masyarakat yang diadakan di Bedok Reservoir kelmarin. – Foto M.O. SALLEH

kan air.

Ketika ditanya pengalamannya, Muhamad Afiq berkata:

“Saya teruja untuk berlumba. Cuma takut dengan bot itu yang

terumbang-ambing,” kata pelajar Sekolah Rendah Rivervale itu.

Encik Ramlee berkata beliau dan anaknya tidak membuat sebarang persiapan bagi menghada-

pi perlumbaan tersebut.

“Pada hari sebelum perlumbaan, saya cuma pastikan saya dapat rehat yang cukup untuk hari perlumbaan,” katanya.

Encik Ramlee bukan baru melibatkan diri dalam kegiatan seperti itu kerana beliau banyak bergiat dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

Walaupun sedang menganggur, beliau masih bersemangat untuk menabur bakti.

Selain dilantik sebagai bendahari bagi Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) Punggol East, Encik Ramlee juga giat mengatur acara Piala Palmer bagi kawasan undi Rivervale.

Piala Palmer merupakan karnival bola sepak, dengan nama karnival tersebut diambil sempena nama Anggota Parlimen (AP) Pasir Ris-Punggol, Encik Michael Palmer.

“Dalam karnival itu nanti saya akan mendekati para belia dan cuba menubuhkan sebuah kumpulan genderang,” kata ayah tiga anak itu.